

Headline	<b>Kanser serviks: Ambil sampel sel sendiri</b>	Language	MALAY
Date	<b>21. Jan 2008</b>	Page No	<b>8</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>242 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>		



# Kanser serviks: Ambil sampel sel sendiri

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA

**Selain malu, alasan yang selalu diberikan adalah tidak ada masa, jadi ini adalah satu cara untuk membantu mereka**

**KUALA LUMPUR** 20 Jan. – Golongan wanita mungkin tidak perlu lagi berjumpa dengan doktor untuk membuat pemeriksaan awal kanser pangkal rahim (serviks) kerana mereka boleh melakukannya di rumah dengan mengambil contoh sel palitan vagina sendiri.

Universiti Putra Malaysia (UPM) kini melakukan kajian bagi memperkenalkan penggunaan kaedah baru palitan sendiri pangkal rahim bagi mengesan penyakit tersebut.

Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Profesor Madya Dr. Latifah A. Latiff berkata, kaedah tersebut akan dapat mengatasi perasaan malu yang sering menjadi punca wanita di negara ini enggan menjalani pemeriksaan kanser itu di hospital atau klinik.

"Selain malu, alasan yang selalu diberikan adalah tidak ada masa, jadi ini adalah

**DR. LATIFAH A. LATIFF**  
Pensyarah Fakulti Perubatan  
dan Sains Kesihatan UPM

perlu mengambil sendiri sedikit sel vagina menggunakan alat tersebut dan kemudian menyerahkannya kepada doktor.

"Sampel sel yang diserahkan kemudian dibawa ke makmal hospital atau klinik untuk disaring bagi mengesan penyakit kanser serviks," katanya.

Menurutnya, ujian sendiri tersebut berbeza dengan *pap smear* yang memerlukan doktor untuk melakukan palitan pada pangkal rahim wanita.

Katanya, UPM sudah memulakan kajian terhadap responden yang majoritinya tinggal di Selangor dan Lembah Klang sejak awal bulan ini dan penduduk di Kampung

satu cara untuk membantu mereka," katanya ketika ditemui pemberita di Karnival Kesihatan Kenanga 2008 di Kampung Kenanga, Rawang dekat sini hari ini.

Karnival sehari itu dianjurkan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) di situ.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Induk pengajuran karnival itu berkata, kaedah tersebut menggunakan alat palitan khas seperti kapas dinamakan "*Kato's self-scrapping method instrument*" yang dicipta di Jepun.

Latifah berkata, seseorang wanita hanya

Kenanga adalah responden pertama yang terlibat menjayakan kajian tersebut.

Tambahnya, UPM yang bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan menjalankan kajian terhadap penggunaan alat tersebut sehingga 2009 dan akan menganalisis keputusan yang diperoleh.

"Selepas itu, jika berjaya, kita akan mengesyorkan kepada Kementerian Kesihatan bagi membolehkan semua wanita yang berisiko penyakit itu menggunakan alat tersebut untuk membuat pemeriksaan awal tanpa perlu berjumpa doktor," katanya.

Latifah berkata, sejak mula diperkenalkan di Jepun, alat tersebut menerima sambutan baik di kalangan wanita dan kini sudah di perkenalkan di Korea dan Thailand.

"Banyak lagi yang kita akan kaji mengenai penggunaan alat ini termasuk kosnya. Kita harap wanita tidak akan berlengah lagi untuk membuat pemeriksaan selepas alat ini diperkenalkan," katanya.